

# Masyarakat wajar bantu kempen pencegahan jenayah

B.H 08/09/08 M/S 34

**S**EMPENA pelancaran kempen pencegahan jenayah peringkat kebangsaan selama sebulan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) ingin menyeru semua rakyat supaya turut sama menyertai kempen berkenaan.

Mereka turut dapat membantu menyampaikan mesej 'Cegah Jenayah, Babitkan Diri, Kita Boleh Melakukannya Bersama' kepada seberapa ramai yang boleh selaras dengan kenyataan bahawa pencegahan jenayah adalah tanggungjawab bersama.

Jenayah dan aktiviti yang berkaitan jenayah menjadi isu yang amat membimbangkan semua rakyat. Ada pandangan sesetengah orang

yang beranggapan bahawa apa yang kita lakukan untuk mencegah jenayah setakat ini adalah tidak mencukupi.

MCPF sebagai badan bukan kerajaan yang terbesar dan terbabit dengan pencegahan jenayah memahami kebimbangan rakyat mengenai isu jenayah. Sejak kebelakangan ini, MCPF mengadakan beberapa kempen pencegahan jenayah.

Bermula tahun ini, MCPF membuat keputusan untuk mengadakan kempen di seluruh negara selama sebulan, membabitkan semua cawangan di setiap negeri untuk mempertingkatkan kesedaran awam terhadap keperluan untuk kita bertindak bersama-sama untuk mencegah jenayah.

Apa yang lebih bermakna di dalam usaha ini ialah selain dari mengadakan kempen dan aktiviti meningkatkan kesedaran pencegahan jenayah selama sebulan, MCPF juga mengambil langkah untuk mewujudkan perkongsian dengan kementerian, jabatan dan agensi yang relevan, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta dan juga pelbagai badan bukan kerajaan yang komited terhadap pencegahan jenayah.

Strategi dan program pencegahan jenayah yang terbaik tidak berjaya sekiranya orang ramai tidak peka dan berhati-hati untuk mengurangkan peluang yang boleh digunakan oleh penjenayah untuk melakukan jenayah.

Kita perlu membantu mem-

rangi jenayah dan dengan mengambil langkah mudah seperti berikut kita mampu membantu usaha itu. Antara langkah perlu dilakukan ialah:

- Kita perlu peka bahawa pencegahan jenayah adalah tanggungjawab bersama.
- Laporkan kepada polis seberapa segera apabila kejadian jenayah diketahui.
- Beri bantuan kepada mangsa penjenayah. Siapa tahu anda juga akan memerlukan pertolongan sama satu hari nanti.
- Jangan membiarkan diri anda menjadi sasaran mudah kepada penjenayah.

**TAN SRI LEE LAM  
THYE,**

*Naib Pengerusi Yayasan  
Pencegahan Jenayah Malaysia*